



e-SPeDIP2021

e-SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2021




THE JUNIOR GYMNAST BALANCING TOOL

ELLY SOFEA BINTI BANI, ALIYA HAZIQAH BINTI ABDULLAH,
LEE VINYI & FIFI NURSYAFINAZ BINTI FAIZAL
SK CANOSSIAN CONVENT (M), SEGAMAT, JOHOR



ABSTRAK

SK Canossian telah dipilih sebagai Pusat Latihan Daerah bagi Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) sejak tahun 2009 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Gymnast muda yang dipilih terdiri daripada murid-murid yang berumur 7 - 12 tahun. Ahli-ahli gymnast muda mendapat latihan pelbagai disiplin ilmu gimrama dan gimnastik meliputi kemahiran kelenturan, imbangan dan menggunakan alatan. KPM hanya menyediakan alatan seperti reben, tali skip, belantan dan gelang. Tiada alatan sokongan bagi membolehkan gymnast muda melakukan kemahiran imbangan dan kelenturan secara solo atau berkumpulan. Alat Sokongan untuk para gymnast yang dijual di pasaran sangat mahal dan sangat tinggi sehingga menyebabkan ketakutan dalam kalangan gymnast muda. Ramai gymnast muda yang fobia dengan ketinggian. Bagi mengatasi masalah ini, Persatuan sains dan Matematik SKCC telah mereka cipta 'The Junior Gymnast Balancing Tool' yang ketinggiannya sangat sesuai untuk gymnast muda peringkat permulaan. Impak yang paling besar adalah alat ini dapat menghapuskan fobia ketinggian, meningkatkan motivasi gymnast muda meneruskan latihan dan berjaya mencapai objektif pembelajaran kemahiran imbangan dan kelenturan dengan lebih cepat. Lantas pelbagai kejayaan telah dicapai oleh gymnast muda dalam Kejohanan Gimrama MSSM Negeri Johor dan Kebangsaan.



PERNYATAAN MASALAH

1. Majoriti gymnast muda fobia ketinggian
2. Tiada alat sokongan membantu kemahiran imbangan dan kelenturan dibekalkan oleh KPM
3. Alat sokongan yang ada di pasaran sangat mahal dan terlalu tinggi
4. Pelbagai disiplin ilmu gimrama & gimnastik perlu dikuasai dalam masa singkat
5. Gymnast muda menarik diri dari meneruskan latihan
6. Pasukan Gymnast SKCC kekurangan ahli dan tidak berupaya meraih banyak pingat dalam pelbagai disiplin gimrama.

OBJEKTIF

1. Menghasilkan alat sokongan yang ketinggiannya sesuai untuk gymnast muda (7 -12 tahun)
2. Menghapuskan fobia ketinggian dalam kalangan gymnast muda
3. Meningkatkan motivasi gymnast muda dalam meneruskan latihan
4. Mengekalkan bilangan ahli gymnast muda
5. Menghasilkan alat sokongan imbangan & Kelenturan pertama di Malaysia yang ringan, murah, mudah pasang & simpan serta efektif
6. Menyokong Program 1- Murid 1- Sukan

REKA BENTUK ALAT SOKONGAN DI PASARAN




ALAT DAN BAHAN



KOS PEMBUATAN

RM 30.00
BERBANDING
RM150++
HARGA PASARAN

A
P
L
I
K
A
S
I




Imbas Video & Poster



KEASLIAN & KEUNIKAN REKA BENTUK INOVASI



BESI DAN BERAT



PVC, LEBIH RINGAN & BINAAN SISI UNTUK KESTABILAN

IMPAK

1. Keahlian Gymnast Muda bertambah
2. Kemahiran Gimnastik dan Gimrama mudah dan cepat dikuasai oleh Gymnast Muda
3. Fobia ketinggian dapat dihapuskan
4. Peningkatan Pingat Emas, Perak dan gangsa dalam Kejohanan MSSM Johor dan Kebangsaan
5. Inovasi ini memenuhi elemen STEM /STEAM